

DATE: 11 / 12 / 2007

Diplomat Malaysia perlu jaga perasaan negara lain

UM- 11/12/2007

KUALA LUMPUR 10 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, diplomat yang baik bukan sahaja mampu mendapatkan hasil terbaik untuk negara tetapi juga tidak mencetuskan rasa malu negara lain.

Perdana Menteri berkata, menjaga perasaan pihak lain adalah penting dalam hubungan antara negara sebagai mana ia perlu dalam hubungan antara manusia.

"Menjaga perasaan negara-negara lain sentiasa menjadi aspek penting dalam diplomasi yang berkesan.

"Memastikan tiada siapa-jatuh air muka adalah sama mustahak dalam hubungan antara negara seperti mana dalam hubungan antara individu," katanya.

Abdullah berkata demikian pada majlis pelancaran buku *Malaysia: 50 Tahun Diplomasi, 1957-2007* (gambar) hasil tulisan Dr. Chandran Jeshurun di sini hari ini.

Buku tersebut yang dihasilkan sempena sambutan ke-50 tahun kemerdekaan negara memuatkan 403 muka surat artikel mengenai usaha gigih dan pencapaian antarabangsa Malaysia sepanjang 50 tahun sejarah diplomasinya.

Ya diambil daripada dokumen-dokumen yang disiarkan dengan disokong ingatan dan input pemimpin politik dan para profesional yang terlibat dalam pembentukan serta pelaksanaan polisi luar Malaysia.

Dalam hal ini, Abdullah yang pernah berkhidmat sebagai Menteri Luar selama sembilan tahun menyifatkan buku tersebut

sebagai penting kerana ia telah berjaya mempamerkan inti pati dasar luar dan diplomasi Malaysia sejak 50 tahun lalu.

Beliau berkata, buku itu akan menjadi

peringatan mengenai apa yang telah dilakukan dengan betul oleh negara dan bagaimana ia dilakukan selain merekod situasi di mana negara tidak berjaya serta di mana ia tersilap.

"Buku ini akan menjadi teman yang berguna kepada sesiapa yang mempunyai minat dalam hal ehwal dunia, khususnya golongan profesional dalam Kementerian Luar yang memiliki peranan berunding dengan diplomat negara-negara lain.

"Diplomat Malaysia perlu menguasai amalan terbaik dalam seni diplomasi," ujarnya.

Dalam hal ini, Perdana Menteri memuji Chandran kerana telah menyumbang ke arah penulisan sejarah diplomasi negara.

Menurut beliau, buku itu boleh memberikan asas yang baik bagi kajian yang lebih mendalam mengenai subjek tersebut, khususnya berdasarkan kepada pemeriksaan dokumen rasmi yang belum disiarkan.

Buku itu, katanya, menunjukkan dengan jelas Malaysia sentiasa teguh dalam memperjuangkan keamanan dunia berdasarkan kepada aturan antarabangsa

yang adil dan saksama.

"Bermula dengan rendah diri sebagai negara bebas yang baru dan kecil pada tahun 1957, kita boleh berbangga kerana Kementerian Luar telah memainkan peranan penting dalam evolusi negara sebagai model pembangunan kebangsaan dengan reputasi yang dihormati di tahap antarabangsa," kata Abdullah.

Buku tulisan Chandran itu, jelas Perdana Menteri, bukan setakat merekod dan menganalisis pertumbuhan dasar luar dan diplomasi negara.

Malahan, ujarnya, ia memberikan pengetahuan kepada sesiapa yang berminat dalam politik, sejarah dan hal ehwal semasa mengenai kefahaman dalam hubungan antarabangsa dan kaitannya dengan pembangunan kebangsaan serta kesejahteraan rakyat.

"Buku ini patut memberi inspirasi kepada semua rakyat Malaysia untuk melihat ke masa depan dan berfikir ke depan, mengenai apa yang Malaysia patut lakukan dan di mana ia berdiri antara masyarakat antarabangsa negara dalam 50 tahun akan datang," tegasnya.

